



WAKILISAN

KDN 7890



KELUARAN 19, 1995  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

## KANDUNGAN

|  |           |
|--|-----------|
| Kata-Kata Aluan oleh YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus | <b>3</b>  |
| Kata-Kata Aluan oleh Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus   | <b>4</b>  |
| Kata-Kata Aluan oleh Tuan Haji Mohamed Hisa Tahat, Ketua Pengarang Jurnal WARISAN  | <b>5</b>  |
| Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.  | <b>6</b>  |
| 1 Lawatan Penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan ke India Selatan.  | <b>7</b>  |
| 2 Kewujudan Agama Hindu Dan Sistem Kasta Dalam Masyarakat India, di India.   | <b>15</b> |
| 3 Pengislaman Penduduk Negeri Sembilan Kaitannya Dengan India  | <b>22</b> |
| 4 Institusi Raja Dan Keluarga Diraja Negeri Sembilan   | <b>28</b> |
| 5 Muzik Tradisional India  | <b>64</b> |
| 6 Sejarah Gemas  | <b>86</b> |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
**Menteri Besar Negeri Sembilan**

PEJABAT MENTERI BESAR  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI  
70502 SEREMBAN



## MENGIMBAS WARISAN SEJARAH KUNO

*W*saha berkesinambungan menerbitkan Jurnal Warisan Kelolaan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan menonjolkan pertalian sejarah masyarakat Islam dan wilayah asing pastinya memberikan manfaat kepada pencinta sejarah sekalian.

Wajar sekali imbasan dan kupasan ini dibuat dengan harapan agar kecenderungan untuk menoleh kembali kepentingan sejarah kuno dalam proses kehidupan hari ini mendatangkan kebaikan kepada kita semua.

Perhubungan dengan Wilayah India sebagai contoh bukanlah sekadar di bidang ekonomi, budaya dan pengaliran tenaga buruh sahaja tetapi merangkumi perkongsian di bidang agama khususnya Islam.

Asas-asas keagamaan yang diperkembangkan melalui kaedah mubaligh dan saudagar ternama di era tersebut telah mencetuskan semangat keakraban yang padu di kalangan kepimpinan dan masyarakat tempatan.

Semoga segala pengumpulan bahan dan fakta yang didatangkan dari tanah asing di samping bahan-bahan tempatan yang terkini dan mutakhir akan memperlengkapkan lagi "significant" dan fungsi sejarah dalam episod perjuangan bangsa masakini.

Salam Hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hj. Mohd. Isa" followed by "Dato' Hj. Abdul Samad". The signature is written over a diagonal line.

(Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abdul Samad)



## PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KATA-KATA ALUAN

 Yukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan penerbitan Jurnal Warisan Ke-19 berjaya dihasilkan. Penerbitan kali ini memuatkan empat artikel mengenai India Selatan yang dihubungkaitkan dengan Sejarah Nusantara secara umum dan sejarah Negeri Sembilan secara khusus iaitu hasil daripada Lawatan Penyelidikan Jawatankuasa PSMCNS ke Selatan India pada bulan Ogos 1994.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menonjolkan pertalian sejarah Masyarakat Islam dan Wilayah Asing serta pengumpulan bahan dan fakta dari Tanah asing akan diteruskan melalui program-program Lawatan Penyelidikan oleh Ahli-ahli PSMCNS di semua peringkat sebagai wadah penulisan penerbitan Jurnal yang akan datang.

Ruangan 'Lorekan Remaja' pada penerbitan kali ini merupakan hasil penulisan tiga orang pelajar Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, yang telah memenangi Tempat Pertama dalam Pertandingan Penulisan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah 1995, anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diucapkan syabas dan setinggi tahniah. Adalah diharapkan hasil penulisan kali ini dapat menyumbang ke arah usaha untuk menambah koleksi khazanah sejarah tanah air.

Akhir kata, kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, diucapkan syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Seterusnya 'Warisan' memerlukan sokongan berterusan daripada setiap individu yang cintakan sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

**Khamis bin Noye**

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerja PSM  
Cawangan Negeri Sembilan



## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DARI MEJA KETUA PENGARAH

*M*hamdulillah sekali lagi "Warisan" dilahirkan untuk keluaran kali ke 19. Sebagaimana yang telah dijanjikan "Warisan" kali ini mempaparkan rencana-rencana utama berkaitan dengan sejarah dan budaya orang-orang India Selatan. Penulisan-penulisan ini ditulis adalah berdasarkan bacaan, pemerhatian dan sedikit sebanyak kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis hasil daripada lawatan mereka ke India Selatan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 1994.

Lawatan tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengenal lebih dekat lagi asal-usul sejarah dan budaya kaum India yang datang beramai-ramai ke Tanah Melayu pada awal kurun ke 20, berakar umbi dari Selatan India. Penulisan-penulisan ini diarakamkan supaya para pembaca dapat bersama-sama lebih mengenali masyarakat kaum India yang merupakan kaum ketiga ramainya di negara kita ini.

InsyaAllah dalam keluaran yang akan datang 'Warisan' akan memuatkan pula penulisan-penulisan mengenai sejarah, budaya dan perkembangan Islam di Negara China. Apakah keunikan dan rohsia bangsa yang pernah mewarisi salah satu tamadun yang tertua dan unggul di dunia. Sama-sama kita tunggu terbitan 'Warisan' ke 20 nanti.

Dalam segmen 'Lorekan Remaja' kali ini dimuatkan pula dengan penulisan Sejarah Tempatan yang telah memenangi hadiah pertama peringkat Kebangsaan bertajuk 'Sejarah Gemas' oleh kumpulan pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Gemas.

Terima Kasih

**Mohd. Hisa bin Tahat**

Ketua Pengarang Jurnal Warisan PSM Cawangan Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1995-1996**

**Yang Di Pertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Naib Yang Di Pertua**

Encik Khamis bin Noyo, AMN., PPT., ASDK., ADK  
*Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman, PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma, PJK

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., PPT., PJK  
Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mohd. Rais, AMN., ANS., PMC., PJK  
Tuan Haji Hussin bin Salleh, PMC  
Tuan Haji Lajis bin Achil, PMC., BKT  
Tuan Haji Sudin bin Kamari, AMN., PMC., PJK

**SIDANG REDAKSI WARISAN KE-19**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat

**Editor**


Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Mohd. Misan bin Maslor

**Setiausaha**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman



**INSTITUSI RAJA DAN KELUARGA  
DIRAJA  
NEGERI SEMBILAN**

**(SATU KAJIAN)**

*Oleh:*  
**NORHALIM HJ. IBRAHIM**

## 1. PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan



Negeri Sembilan sebagai termaklum adalah berbeza daripada negeri-negeri Melayu lain dalam berbagai-bagai aspek seperti kebudayaan, sosial dan politik, serta termasuk institusi dan keluarga dirajanya. Institusi raja di Negeri Sembilan bukannya satulanjutan daripada institusi kesultanan Melaka seperti Johor, Perak, Selangor ataupun Pahang. Ianya adalah secara langsung suatu lanjutan atau perkembangan, dengan perubahan tentunya, daripada institusi raja Alam Minangkabau di Sumatera. Dari segi gerakan pemerintah diraja Negeri Sembilan sendiri telah menampakkan perbezaan ini iaitu di Negeri Sembilan, gelaran bagi penjawat takhta adalah **Yang Dipertuan Besar** sedangkan di negeri-negeri Melayu lain, **Sultan** atau **Raja** seperti di Perlis.

Dari segi kuasa tadbir, takhta diraja Negeri Sembilan tidak pernah mempunyai kuasa mutlak ke atas negeri-negeri bersekutu yang mewujudkan Negeri Sembilan. Sebaliknya, mengikut teori dan praktis, sejak ia diadakan sehingga zaman kedatangan Inggeris, institusi raja Negeri Sembilan hanya satu **lambang** atau **simbol** sahaja. Dalam perlembagaan adat Negeri Sembilan, dalam banyak aspek raja hanya dikenali sebagai **keadilan**. Dengan demikian, perlembagaan adat tidak memberinya negeri dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Ini dijelaskan secara terang oleh perbilangan:

Adapun raja itu:

tiada mempunyai negeri,  
tiada mencukai kharajat;

melainkan:

berkeadilan sahaja,

serta:

pemakanan duit sesuku,  
beras segantang,  
nyior setali

Kuasa tadbir dalam negeri-negeri yang sembilan itu terletak dalam tangan penghulu dan pembesar-pembesar masing-masing.

Berikutnya dengan itu, pembentukan dan kejadian keluarga atau dinasti diraja Negeri Sembilan juga berlainan daripada negeri-negeri Melayu lain. Jikalau negeri-negeri Johor, Perak, Pahang atau Selangor itu adalah lanjutan daripada keluarga diraja atau keluarga bendahara Melaka maka keluarga diraja Negeri Sembilan pula, seperti institusinya berasal dari Minangkabau. Selain daripada perbezaan punca, pembentukannya juga bukan mengikut satu garisan lurus (dengan maksud berpunca daripada seorang, kemudian diturunkan kepada anak) atau berbengkok (berpunca daripada seorang tetapi dipertikaikan oleh ahli keluarga namun masih dalam garisan yang sama), melainkan dalam garisan terputus-putus, kemudian baru menggaris lurus atau membengkok mengikut keadaan.

Satu lagi kelainan institusi diraja dan keluarga diraja Negeri Sembilan ini ialah pengganti raja memerintah yang mangkat tidak ditentukan oleh wasiat atau pilihan oleh ahli keluarga diraja. Ianya dipilih dan dilantik oleh penghulu-penghulu (sebelum kemasukan Inggeris) atau undang negeri-negeri tertentu dalam gabungan persekutuan Negeri Sembilan. Sebelum seorang putera itu dilantik suara para pemilihan haruslah bulat.

## 1.2 Penerokaan Negeri Sembilan<sup>(1)</sup>

Negeri Sembilan hari ini, melainkan Daerah Port Dickson (tetapi tidak termasuk kawasan sempadan Daerah Port Dickson - Seremban) telah diteroka oleh penghijrah dari Sumatera. Mereka sampai ke kawasan ini mengikut Marsden (1811) dan Wolter (1970) pada akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12, Newbold (1834) dalam abad ke 12, Favre (1848) dalam tahun 1260 lebih kurang dan Parr dan Mackray (1910) pada sekitar tahun 1388 Masihi. Petempatan yang awal mereka teroka adalah Rembau dan Naning. Daripada tarikh itu, petempatan mereka di Rembau dan Naning, seperti keadaan pembentukan negeri di tempat asal mereka, telah berkembang melalui proses metamopisis:

Teratak mula dibuat,  
sudah teratak menjadi kampung,  
sudah kampung menjadi dusun,  
sudah dusun menjadi kota,  
sudah kota menjadi negeri.

Proses ini berjalan sehingga bahagian akhir pertengahan pertama kurun ke-16. Bentuk petempatan orang Sumatera di Negeri Sembilan yang dikatakan rantau Minangkabau, dalam tempoh masa empat abad itu adalah:

- (a) sementara : abad ke-11/12 sehingga abad ke-13

- (b) sementara-tetap: abad ke-13 hingga awal abad ke-16  
(c) tetap (negeri) : akhir pertengahan pertama abad ke-16

Data-data sejarah yang ada dan ditemui (saya) setakat ini menunjukkan bahawa kawasan tumpuan penghijrah tersebut dari awal sehingga kurun-16 adalah lebih banyak ke Rembau dan Naning. Kemudian, terutama sekali pada kurun-kurun akhir sebelum abad ke-16 dan kurun berikutnya baru mereka ke kawasan-kawasan lain, sama ada berpindah dari Rembau dan Naning ataupun datang terus dari Sumatera. Oleh sebab pola penghijrah dan penerokaan petempatan mereka sedemikian rupa maka Rembau telah berkembang menjadi pusat politik, sosial, ekonomi dan budaya rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu (Khoo Kay Kim, 1977/78, 1986, 1990; Andaya, 1987).

Sehingga bulan Februari 1677 Negeri Sembilan tidak mempunyai raja. Setiap negeri yang bergabung membentuk sembilan buah negeri rantau Minangkabau itu diperintah oleh seorang Penghulu dan Pembesar-Pembesarnya berdasarkan perlembagaan masing-masing. Dalam tempoh masa lebih kurang 137 tahun, kerajaan-kerajaan di Negeri Sembilan mengakui kesultanan Johor sebagai 'penaung'nya. Pada akhir tahun 1676 kerajaan-kerajaan tersebut telah berusaha memutuskan hubungan dengan Johor dan mengadakan institusi raja mereka sendiri di Negeri Sembilan.

## 2. RAJA DI NEGERI SEMBILAN

### 2.1 Raja Ibrahim<sup>(2)</sup>

Seperti dinyatakan diatas, sehingga awal tahun 1677 Negeri Sembilan 'bernaung' di bawah kerajaan Johor. Mulai akhir tahun 1667 sehingga akhir tahun 1670an kerajaan Johor telah menghadapi masalah dalaman dan luaran yang menyebabkan ianya lemah. Dalam tempoh masa tersebut kerajaan Johor tidak berkemampuan menjalankan tanggungjawab, fungsi dan rolnya sebagai 'penaung' kepada kerajaan-kerajaan Negeri Sembilan, khususnya kerajaan Rembau dan Naning berkaitan dengan perhubungan antara Negeri Sembilan dan Belanda di Melaka (Andaya, 1987: 120-121, 131-133).

Memandangkan kerajaan Johor sedemikian lemah, Negeri Sembilan atas inisiatif Datuk Sagah (1660-1690) Penghulu Rembau telah cuba mencari penaung baru, pada pertengahan keduatahun 1676 Datuk Sagah telah menemui penghulu-penghulu rantau Minangkabau yang lain - Sungai Ujung, Naning dan Kelang membincangkan keadaan hubungan mereka dengan Johor, (penaung) dan Belanda di Melaka, (musuh). Dalam pertemuan pertama, tiga orang penghulu, Rembau, Sungai Ujung dan

Kelang telah sepakat menjemput seorang putera dari Minangkabau, tetapi Penghulu Naning telah meminta tangguh sebelum memberi keputusan. Setelah dipujuk oleh penghulu yang berliga, akhirnya Datuk Merah Penghulu Naning telah bersetuju dengan cadangan itu. Perlakuan untuk mendaulatkan raja di koloni Minangkabau ini tidak bercanggah dengan adat, malahan itulah yang dikehendaki oleh sistem pentadbiran adat Alam Minangkabau. Keperluan ini dimamangkan sebagai:

Luhak berpenghulu,  
rantau beraja.

Setelah bulat muafakat utusan pun dikirim ke Minangkabau melalui Siak, dari mana mereka telah mudik ke Pangkalan dan langsung menemui Datuk Mangkudum di balainya di Sumanik iaitu wakil raja Alam Pagarruyung ke atas wilayah rantau di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka telah meminta Datuk Mangkudum menemukan mereka dengan Yang Dipertuan atau Raja Alam di Pagarruyung. Raja Alam, setelah berunding dengan Raja Dua Selo serta Besar Empat Balai telah memperkenankan permohonan wakilan kerajaan-kerajaan rantau di Semenanjung. Dengan itu pada akhir bulan Februari 1677, perwakilan berkenaan telah memudiki Sungai Penajuh menuju ke Rembau membawa seorang putera bernama Raja Ibrahim.

Kehadiran Raja Ibrahim di Rembau/Naning ini telah menggelisahkan Belanda di Melaka. Gabenor Bort, apabila diberitahu mengenai penabalan Raja Ibrahim sebagai Raja Rembau melalui surat, telah enggan mengiktirafnya. Bort menganggap Raja Ibrahim bukan berdarah raja, tetapi seorang ulama Islam dalam pelarian setelah diusir oleh pengikutnya sendiri di Siak dan Aceh (Bort 1927:68). Jikalau Melaka gelisah, kerajaan Johor pula menjadi lebih cemas kerana penabalan Raja Ibrahim itu adalah satu cabaran langsung ke atas kedaulatannya, di samping mengancam keutuhan pengaruhnya ke atas wilayah naungannya di Negeri Sembilan. Dengan kehadiran Raja Ibrahim, Naning, Rembau serta Sungai Ujung (fakta sejarah agak kabur mengenai kedudukan Kelang dalam hal ini) telah memindahkan taat selia mereka daripada Johor kepadanya (Andaya, 1987:147).

Surat Raja Ibrahim kepada Belanda telah dipulangkan semuanya tanpa sebarang jawapan. Akibatnya, beberapa hari selepas memulangkan surat itu, Melaka telah menerima laporan bahawa Raja Ibrahim dengan diiringi oleh 3,770 orang<sup>(3)</sup> tentera telah bersedia untuk menyerang Melaka. Belanda, melalui seorang pembesar Johor, Ossenina Maharaja cuba berdamai dengan Rembau/Naning tetapi gagal (Cave, 1989:51). Raja Ibrahim pada sekitar akhir bulan Mac 1677 telah menyerang Melaka. Perang ini berlanjutan untuk selama dua bulan, dan pada sekitar Jun setelah Raja Ibrahim gagal memecahkan beriteng pertahanan Belanda di bahagian utara subbandar, setelah berjaya menawan Batang Tiga, berundur balik ke Rembau (Bort, 1927:51; Winstedt, 1934:54; Cardon, 1948:112).

Untuk mengalahkan Melaka, Raja Ibrahim dan pembesar-pembesar Negeri Sembilan berpendapat kekuatan tentera kerajaan Rembau, Naning dan Sungai Ujung sahaja tidak mencukupi. Bantuan tenaga luar perlu diperolehi. Dengan itu, mereka bercadang mewujudkan suatu persatuan di kalangan negeri-negeri berdasarkan ikatan warisan budaya yang sama - budaya Minangkabau. Rancangan itu dimulakan dengan menghantar beberapa ulusan ke rantau Minangkabau di pantai timur Sumatera pada akhir tahun 1677 dan awal 1678. Tumpuan utama mereka adalah mendapat bantuan kerajaan Kuantan, tetapi kerajaan Kuantan yang bersetuju dengan rancangan, tidak dapat bersama ketika itu kerana ia sedang berperang dengan Inderagiri (Andaya, 1987:151). Dengan demikian rancangan itu telah gagal.

Raja Ibrahim tidak putus asa. Beliau mencadangkan pula mewujudkan perserikatan lain iaitu mendapatkan sokongan orang Melayu yang bukan keturunan Minangkabau, tetapi beragama Islam. Tegasnya Raja Ibrahim mahu menggunakan agama Islam sebagai tali pengikat perserikatan itu. Surat telah diutus kepada orang-orang Bugis dan Makasar di Kelang menyeru mereka dan juga orang Islam lain supaya mengangkat senjata menentang kafir Belanda. Beliau juga menjanjikan bahawa semua yang terkorban dalam peperangan itu akan masuk syurga (Andaya, 1987:152).

Rancangan kali kedua ini juga telah gagal. Belanda secara tidak sengaja telah mengetahui mengenainya semasa melancarkan serang balas ke atas Rembau pada sekitar tahun 1678. Mereka telah menemui surat-surat tersebut. Maklumat mengenai akan berlakunya perang jihad telah membimbangkan Belanda di Melaka. Mereka telah menulis surat kepada Syahbandar di Kelang dan mendesaknya supaya jangan menghantar orang Bugis dan Makasar membantu Raja Ibrahim. Sultan Johor (Riau), Sultan Ibrahim Syah (1677-1685) telah juga mengirim utusan kepada Datuk Sagah memerintahkan supaya mengakhiri permusuhan dan berusaha memperbaharui persahabatan dengan Belanda, atau jika ia tidak baginda akan menghantar anak lelaki Laksamana Johor bersama-sama dengan satu angkatan perang yang besar untuk menyerang dan memusnahkan segala-galanya (Andaya, 1987:152).

Amaran dan ancaman raja Johor itu tidak diambil perhatian oleh Datuk Sagah. Beliau dan Raja Ibrahim sebaliknya merancang untuk menyerang Melaka sekali lagi selepas musim menuai berikutnya. Berita ini telah menggemparkan Belanda dan pada 27 Jun 1678 Melaka telah mengulus surat ke Betawi meminta bantuan tentera (Winstedt, 1934:54). Menyedari kegentingan keadaan Betawi telah mengirimkan bantuan; walau bagaimanapun rancangan Raja Ibrahim itu tidak menjadi kenyataan.

Apa yang berlaku di Rembau antara bulan Julai dan kira-kira bulan Oktober

tahun 1678 sehingga kini masih menjadi suatu misteri. Dalam tempoh empat bulan itu berkemungkinan besar perhubungan antara Raja Ibrahim dengan Penghulu Naning atau dengan Penghulu Rembau atau dengan kedua-duanya sekali telah retak. Mengikut laporan Belanda, yang mengetahuinya daripada orang Melayu dari Kelang dan Muar pada bulan Oktober 1678<sup>(4)</sup> Raja Ibrahim telah dibunuh oleh orang Rembau. Kemudian, dalam tahun 1680, seorang Bugis yang dipanggil ‘Baggia’ mendakwa bahawa dia telah membunuh Raja Ibrahim di Rembau (Andaya, 1987:152-153). Baggia adalah seorang hamba kepunyaan Raja Merah, Penghulu Naning.

Kematian Raja Ibrahim secara khianat bermakna gugurlah seorang pahlawan “Melayu” yang cuba membebaskan bangsanya daripada belenggu kebebasan politiknya dan dihisap kering kemakmuran ekonominya oleh kaum penjajah. Negeri Sembilan, khususnya Rembau kehilangan raja pertamanya. Raja Ibrahim tidak meninggalkan zuriat. Dengan itu Raja Ibrahim tidak mengasaskan suatu keluarga diraja di Rembau atau di Negeri Sembilan.

Untuk lebih kurang 40 tahun Negeri Sembilan balik kepada keadaan asalnya, tidak beraja. Pada pertengahan tahun 1721, atas sebab-sebab tertentu<sup>(5)</sup> Negeri Sembilan tidak dapat lagi beraja ke Johor dan atas tindak tanduk Raja Kecil, Raja Siak keturunan Minangkabau yang berkuasa di Johor pada ketika itu, tidak mahu lagi bertoli ke Siak; tetapi masih tetap bertuankan ke Minangkabau. Dengan demikian, pembesar-pembesar Negeri Sembilan telah ke Pagarruyung sekali lagi mengadap mungkin Yang Di Pertuan Patah Sultan Abdul Jalil (1719-1780). Seorang putera lagi telah dihantar ke Negeri Sembilan. Putera tersebut bergelar Raja Melewar.

## 2.2 Raja Melewar<sup>(6)</sup>

Kehadiran Raja Melewar di Rembau pada pertengahan akhir tahun 1721 itu (Begbie, 1834:61) adalah untuk menaikgi kekuasaan Raja Kecil di Riau-Johor (Andaya, 1987:363) yang dikatakan sebagai pusat penghimpunan pasukan tentera yang terdiri daripada orang Minangkabau. Pengiriman Putera Minangkabau ke Rembau itu mungkin juga boleh difahamkan bahawa kerajaan Pagarruyung tidak lagi bersama dengan Raja Kecil yang mengingkari titah Baginda Sultan Maharaja Pagarruyung dalam tahun 1719. Justeru itu, Yang Dipertuan Raja Alam Pagarruyung sememangnya, apabila memenuhi kehendak kerajaan Rembau, bertujuan untuk memberi saingan, seperti yang disarankan oleh Andaya kepada Raja Kecil dan kekuasaan Siak.

Begbie, semasa menyatakan mengenai kehadiran seorang anak raja Minangkabau itu tidak pula menyebut namanya. Wilkinson (1911:19) menyarankan putera itu mungkin bernama Raja Kasah<sup>(7)</sup> dan kenyataannya ini telah dipersebutui oleh Winstedt (1934:59). Andaya (1987:412) yang banyak sekali menggunakan bahan

bertulis Belanda, mengakui mengenai kehadiran putera raja itu dan menyatakan namanya, mengikut sumber Belanda, sebagai Raja Melewar. Pendapat Andaya ini telah dipersetujui oleh Khoo Kay Kim (1990:5).

### 2.2.1 Raja Melewar atau Raja Kasah?

Daripada pemerian sejarawan Negeri Sembilan, khususnya Rembau telah menyarankan duanama-Raja Kasah dan Raja Melewar-sebagai putera Minangkabau yang hadir di Rembau pada sekitar tahun 1721/1722. Raja Kasah menurut Wilkinson (1911:19) yang telah mencatatkan semula (terjemahan Inggerisnya) cerita lisan yang diberikan oleh Datuk Kelana Sungai Ujung, Datuk Maamor bin Kassim (1889-1945) telah "dihantar" oleh (*sent by*) Raja (Alam) Minangkabau (ke Rembau/Negeri Sembilan). Kedatangan Raja Kasah itu telah "disambut" (*received*) oleh penghulu yang empat<sup>(8)</sup>. Winstedt (1934:59) yang mungkin menggunakan sumber Wilkinson telah memberikan naratif yang agak berbeza. Beliau menyatakan bahawa Raja Kasah telah "dipanggil oleh" (*summoned by*) Penghulu-Penghulu Sungai Ujung<sup>(9)</sup>, Johol<sup>(10)</sup>, Naning<sup>(11)</sup> dan Jelebu<sup>(12)</sup>.

Selain perbezaan nama, tujuan putera itu datang ke Rembau adalah juga berbeza. Mengikut Wilkinson dan Winstedt, beliau datang untuk "mengajarkan" (*introduced*) undang-undang Minangkabau, seperti yang dikehendaki oleh penghulu-penghulu tersebut *(as the four penghulu desired)*. Namun, oleh sebab Raja Kasah tidak mampu menunaikan kehendak keempat-empat orang penghulu itu, beliau telah dihantar balik ke Minangkabau. Wilkinson, dan kemudian Winstedt yang pada awalnya (1934) tidak menyebutnya tetapi kemudian sependedapat (1962:136) dengan Wilkinson telah mengaitkan Raja Kasah itu dengan laporan Belanda yang menyatakan bahawa dalam tahun 1722 telah hadir seorang putera Minangkabau di Rembau untuk mengepalai rakyat Rembau menentang Bugis. Kedua-dua orang sejarawan ini bagaimanapun tidak pulam menyatakan bila Raja Kasah itu dikirim balik ke Minangkabau, jika lau melihat data Belanda, dalam abad ke-18 ini hanya seorang sahaja raja yang dihantar balik ke Sumatera, iaitu Raja Khatib (akan diuraikan mengenainya nanti). Raja Khatib telah dikirim dan diserahkan kepada Syahbandar Siak oleh Belanda pada 15 Februari 1728.

Berkaitan dengan Raja Kasah, watak cerita lisan itu, apa yang mungkin telah terjadi adalah telah berlaku pencampur adukan antara fakta sejarah dan fakta lisan. Ahli sejarah Negeri Sembilan harus melihat kisah ini sebagai suatu cabaran dan harus menyelesaiannya dengan membuat suatu kajian dan penyelidikan yang mendalam.

Dalam membincarakan tujuan kehadiran putera Minangkabau itu, Andaya mungkin telah memberikan interpretasi yang lebih tepat. Raja Melewar atau Raja Kasah, jika lau begitu namanya, telah dijemput dan dikirim atas tujuan lain daripada

apa yang dinyatakan di atas. Beliau dijemput kerana rakyat Rembau khasnya dan rakyat rantau Minangkabau yang lain amnya memerlukan perlindungan daripada orang Bugis, dan mungkin juga daripada Raja Kecil (sebagai sultan Johor-Riau) sendiri. Bagi raja Minangkabau pula anak raja itu dikirim untuk memberi saungan kepada Raja Kecil.

Berdasarkan pemerihalan di atas, baik dilihat daripada tujuan atau sebab putera Minangkabau itu dijemput dan dikirim dan diperkuuhkan pula oleh sumber Belanda jelaslah bahawa beliau itu adalah Raja Melewar. Untuk melicinkan pemerintahan dan pentadbiran serta untuk memenuhi sebab ia berada di Rembau, Raja Melewar telah dilantik dan ditabalkan menjadi Raja Rembau mengikut adat di Penajis.

## 2.2.2 Raja Khatib

Dengan hadirnya Raja Melewar di Rembau sebagai raja dan juga penaung kepada rantaui Minangkabau yang lain di Semenanjung Tanah Melayu bermakna penguasaan Raja Kecil di kawasan tersebut sudah tiada. Raja Kecil yang telah dihalau keluar oleh gabungan tentera Bugis dan Johor (1722) ingin memperkuuhkan semua kedudukannya di Semenanjung Tanah Melayu, memerlukan bantuan dan sokongan rakyat keturunan Minangkabau di kawasan tersebut. Beliau tidak mendapat sokongan itu selagi Raja Melewar berada di Rembau. Dengan demikian, Raja Kecil telah mengirim Raja Khatib ke Negeri Sembilan. Tugas utama Raja Khatib adalah menjatuhkan dan menggulingkan Raja Melewar (Andaya, 1987:412; Khoo Kay Kim, 1990:5), dan menjadikan dirinya Raja Rembau.

Raja Khatib telah tiba di wilayah sini mungkin pada awal tahun 1723. Apa yang pasti ialah beliau tidak tinggal di Rembau kerana orang yang hendak ditentang dan dihapuskan menjadi raja di situ. Beliau juga tidak mungkin mempengaruhi Datuk Kurap (1690-1725) Penghulu Rembau kerona datuk itu yang bertanggungjawab atas kedatangan Raja Melewar dan menabalkannya sebagai raja di Rembau. Dengan demikian, Raja Khatib harus mendapat bantuan daripada pembesar lain, dan orang yang dapat dipengaruhinya adalah Datuk Naam<sup>(13)</sup>, Penghulu Ulu Muar. Penghulu Naam telah menempatkan Raja Khatib di lembah Seri Menanti.

Dengan bantuan Penghulu Naam dan pembesar lain di Ulu Muar, Raja Khatib telah berjaya mengadakan suatu angkatan perang. Dengan diiringi oleh pengikut-pengikutnya dari Siak berserta orang-orang Ulu Muar, Raja Khatib telah mara ke Rembau. Berita kedatangan angkatan perang Raja Khatib itu, dan mungkin angkatan tersebut yang dikatakan sebagai "suatu angkatan perang dari Seri Menanti" yang dilaporkan oleh Penghulu Naning kepada Belanda (Begbie, 1834:61) telah diterima oleh

Raja Melewar dan Datuk Kurap. Satu pertempuran telah berlaku di Kampung Bukit antara kedua pasukan, dan berakhir dengan kekalahan di pihak Raja Melewar. Raja Melewar telah berundur dan mendapat perlindungan di Sepri (Buyung Adil, 1981:46; Khoo Kay Kim, 1990:5). Raja Khatib, setelah berjaya menggulingkan Raja Rembau telah balik ke Seri Menanti.

Pada tahun 1725 akhir atau awal 1726 Raja Melewar dengan bantuan Penghulu Rembau yang baru, Datuk Sedia Maharaja Sabat (1725-1750) telah mara ke Seri Menanti dan berjaya mengalahkan Raja Khatib. Penghulu Naam yang tidak mahu mengakui kekuasaan Raja Melewar telah dibunuh. Raja Khatib telah berjaya melepaskan diri dan mencari perlindungan di Naning, namun telah ditangkap oleh Kerajaan Belanda dan dihantar ke Siak lalu diserahkan kepada Syahbandar Siak (Andaya, 1987:412-413; Khoo Kay Kim, 1990:5).

### 2.2.3. **Raja Melewar Diusir Daripada Rembau**

Dalam masa pemerintahan Raja Melewar suasana politik di Rembau agak tenteram. Namun keadaan sosial dalaman telah bergolak akibat daripada tindak tanduk Raja Melewar sendiri. Datuk Sabat kurang senang dengan tingkah laku dan personaliti Raja Melewar yang telah mengahwini Cik Seni, anak gadis Datuk Naam dan adik kepada Warna Emas isteri Raja Khatib. Personaliti yang dipersoalkan oleh Datuk Sabat ialah tingkah laku dan perhubungan Raja Melewar dengan wanita: anak gadis dan isteri orang. perbuatan **langau hijau** Raja Melewar ini terjumiah salah satu daripada **pantang Penghulu**, yang dibilangkan:

- Derhaka: celaka;
- Dahaga: Dehagi;
- Rumbun: bakar;
- Tikam: Bunuh;
- Upas: racun;
- Sumbang:** salah

Kesalahan Raja Melewar adalah dalam kategori terakhir: sumbang: salah. Apabila terlanggar salah satu daripada pantang penghulu ini, penghulu berhak menghukumnya, tanpa mengira siapa. Dengan itu, Raja Melewar telah dipersilakan menemui Datuk Sabat di balainya. Dalam pertemuan itu, yang dihadiri bersama oleh Lembaga Tiang Balai kerajaan Rembau, Datuk Sabat telah memberitahu Raja Melewar supaya meninggalkan Rembau dengan secepat mungkin; dan telah diberi tempoh seminggu untuk membuat segala persiapan pindah.

Menyedari hakikat bahawa ia tidak dikehendaki lagi di Rembau, Raja Melewar

dengan diringi pengikut dan tenteranya serta di kawal oleh tentera kerajaan Rembau telah berangkat menuju ke Seri Menanti. Dalam perjalanan tersebut suatu pertempuran telah berlaku antara hulu Lubang Rembau dengan pengikut Raja Melewar akibat salah faham semasa berhenti rehat di kawasan rekreasi di Lubuk Rusa berhampiran dengan Kampung Selemak. Raja Melewar dan rombongannya terpaksa berundur dan diburu oleh orang Rembau sehingga ke hutan Miku. Dengan bersusah payah merempuh hutan akhirnya beliau dan angkutannya telah sampai di Seri Menanti. Beliau telah menetap di situ sehingga beliau meninggal dunia pada sekitar tahun 1740-an.

Raja Melewar selama memerintah di Rembau dan kemudian dalam buangan di Seri Menanti tidak pernah diberi atau menggunakan gelaran "Yang Dipertuan Besar". Beliau hanya dikenali sebagai "Raja Rembau" dalam dokumen Belanda.

Satu perkara lagi yang kurang jelas mengenai Raja Melewar ialah mengenai keturunannya. Tiada dokumen sejarah sehingga kini yang boleh memberi pedoman mengenainya -berapa orangkah anaknya, misalnya. Apa yang kita tahu, melalui cerita lisan adalah salah seorang anak bernama Tunku Aishah (Samad Idris, 1969:184). Justeru itu dapat disimpulkan bahawa Raja Melewar tidak memulakan suatu keluarga diraja di Rembau atau pun di Seri Menanti.

### 2.3 Raja Adil

Untuk beberapa tahun selepas kematian Raja Melewar, Rembau serta Negeri Sembilan tidak mempunyai pemerintah **de facto atau de jure**. Pada masa kekosongan itu, Johor yang telah mulai pulih daripada penaklukan Siak, dan mempunyai kekuatan Bugis di belakang takhta kerajaan, telah mengambil alih semula peranan penaung ke atas Negeri Sembilan (Begbie, 1834:64). Pada teorinya Negeri Sembilan bertuankan Johor tetapi pada praktiknya adalah di bawah kekuasaan Bugis. Dalam tahun-tahun sebelum, semasa dan selepas pemerintahan Raja Melewar orang Bugis telah berada dan berkuasa di Linggi; tetapi bermula dengan pemerintahan Datuk Lela Maharaja Lulinsuh (1750-1790) Bugis telah berada di Rembau.

Berkaitan dengan kehadiran Bugis di Rembau itu, suatu kenyataan Begbie (1834:64) mengenai adanya seorang "Raja Dipendalaman" (*Rajah of the Interior*) yang dilantik oleh Bugis pada sekitar tahun 1750-an perlu diambil perhatian. Besar kemungkinan orang yang dimaksudkan oleh Begbie itu adalah Raja Adil, walaupun beliau mengidentifikasinya sebagai Daeng Kemboja. Menurut Khoo Kay Kim (1990:6-7), pada tahun 1748 Daeng Kemboja telah ditabalkan sebagai Yamtuan Muda Johor-Riau dan besar kemungkinan pada ketika itulah beliau diiktiraf juga sebagai '*Rajah of the Interior*' kerana beliau lebih banyak bermastutin di Linggi daripada di Riau. Kenyataan Khoo Kay Kim mengenai kehadiran Daeng Kemboja di Linggi pada sekitar

awal tahun 1750-an itu tersebut dalam *Hikayat Negeri Johor*. Beliau berpindah ke Linggi setelah berselisih faham dengan Sultan Sulaiman.

Menurut *Hikayat Negeri Johor* lagi, semasa Daeng Kemboja berada di Linggi, pada sekitar tahun yang lebih kurang sama, beliau telah diserang oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik. Daeng Kemboja telah kalah dan melarikan diri ke Rembau di mana beliau telah membuat persetiaan dengan "Raja Rembau, Yang Di Pertuan Raja Ali serta penghulunya yang empat suku" (*Hikayat Negeri Johor* 1932:14; penekanan adalah oleh penulis).

Kenyataan *Hikayat Negeri Johor* ini menunjukkan bahawa pada masa Daeng Kemboja 'lari dari Linggi' ke Rembau 'Raja Ali' (Raja Adil?) telah sedia ada di Rembau. Ini bermakna bahawa pada sekitar awal tahun 1750-an *Rajah of the Interior* (Begbie) bukannya Daeng Kemboja (Khoo Kay Kim) tetapi adalah Raja Adil (Windstedt, 1934) atau Raja Ali (*Hikayat Negeri Johor*).

Raja Adil adalah wakil kerajaan Johor di Negeri Sembilan. Apabila Raja Sulaiman menaiki takhta dengan bantuan putera-putera Bugis pada sekitar tahun 1722, beliau telah, seperti dinyatakan di atas tadi, cuba mendapatkan kembali jajahan takluknya yang lama termasuk Negeri Sembilan. Dalam usaha ini, beliau telah menghantar seorang wakil ke Negeri Sembilan. Orang yang dipilih, mungkin atas saranan dan nasihat Daeng Kemboja adalah Raja Adil, seorang putera Bugis (Winstinct, 1934:57; 1962:156). Menurut Wilkinson (1911:23) untuk pengesahan dan membuktikan kekuasaannya Raja Adil telah diberi satu cap mohor.

Raja Adil semasa sampai di Negeri Sembilan telah berkahwin, mula-mula dengan anak gadis Penghulu Jelebu dan kemudian dengan Cik Menek, orang Tampin. Kedua-dua orang isterinya itu adalah berketurunan suku Tiga Batu. Dengan isterinya di Jelebu, beliau telah mendapat dua orang anak - Raja Singkul dan Raja Sabun yang dikenali juga sebagai Tungku Ahmad Syah (Samad Idris, 1969:108). Dengan isterinya di Tampin, beliau memperolehi seorang puteri, Tungku (Raja) Sulung dan dua orang putera, Raja Asil dan Raja Kadim. Raja Sulung telah berkahwin dengan Raja Hitam, putera Minangkabau yang dijemput dan ditabalkan di Penajis dalam tahun 1795/96 (akan disentuh lagi kemudian) (Khoo Kay Kim, 1986:5).

Dalam masa pemerintahannya, Raja Adil pernah pada 1 Januari 1758 menandatangani suatu perjanjian bagi pihak kerajaan Rembau. Perjanjian tersebut adalah antara Belanda, Linggi, Rembau dan Kelang. Orang-orang yang telibat adalah David Bulen (Belanda), Daeng Kemboja (Linggi), Raja Adil (Rembau) dan Raja Tua (Kelang), dan dimeterikan di Fort Filipina di Kuala Penajuh (Kuala Linggi sekarang). Walau bagaimanapun, perjanjian itu tidak sah kerana Rembau tidak diwakili oleh

Penghulu dan Lembaga Tiang Balainya. Dengan demikian, ia terpaksa ditandatangani semula pada 11 November 1759. Dan kali ini ditandatangani oleh:

..... *David Bulen, Gabenor Melaka, dan Raja Muda Daeng Kemboja Linggi, Raja Tua Kelang dan pembesar-pembesar dari sembilan buah negeri Rembau iaitu Maharaja Pakki, Penghulu Dagang, Setia Purba, Paduka Alam dari Suku Yang Empat dan Penghulu Pendita Kaya dan Syahbandar Pendita Garang.*

*(Winstedt, 1934:57)*

Pada sekitar tahun 1761 Daeng Kemboja berserta ahli keluarganya dan pengikutnya berpindah semula ke Riau, meninggalkan Pedas (tempat tinggalnya semasa beliau berada di Rembau) (*Hikayat Negeri Johor*, 1932:17-18). Kedudukan Raja Adil selepas Daeng Kemboja balik ke Riau, tidak lagi sekukuh dan berpengaruh seperti keadaan sebelum itu. Beliau masih dianggap sebagai Raja Rembau dan wakil kerajaan Johor di Negeri Sembilan. Tradisi lisan Rembau menyatakan bahawa sejak tahun tersebut Raja Adil lebih banyak menghabiskan masanya di Jelebu di rumah isterinya di Kampung Pita Serambi, Ulu Klawang. Jelebu pada ketika itu diperintah oleh Penghulu Bukor.

### 3. KELUARGA DIRAJA DI NEGERI SEMBILAN

#### 3.1 Keluarga Diraja Di Rembau<sup>14)</sup> dan Jelebu

Raja Adil telah meninggal dunia dalam tahun 1778, dan digantikan oleh anaknya Raja Asil (Lee Kam Hing dan Mohd Yusoff Hashim, 1989:20) di Rembau dan oleh Raja Sabun di Jelebu. Dengan terlantiknya kedua-dua orang putera itu mengantikan ayahnya, maka wujudlah keluarga diraja yang awal di Negei Sembilan. Antara kedua-dua buah keluarga ini, Rembau dan Jelebu, dalam perkembangan sejarah diraja Negeri Sembilan berikutnya keluarga diraja di Rembau adalah yang lebih kontroversi kerana adalah dipercayai mengikut dokumen Portugis dan Belanda, Rembau adalah pusat politik dan budaya Negeri Sembilan ketika itu.

Selain itu, Rembau adalah tanah kerjan di mana semua Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ditabalkan. Oleh sebab itu, maka penumpuan berikut adalah lebih kepada keluarga diraja di Rembau.

Raja Asil, setelah dilantik telah menggelarkan dirinya sebagai Sultan Mahmud

Syah Yang Dipertuan Muda Rembau (Wilkinson, 1911:23). Suatu perubahan atau mungkin boleh dikatakan suatu 'pembaruan' telah berlaku dalam perlantikan Raja Asil sebagai Yang Dipertuan Muda ini. Perlembagaan Adat Perpatih menyatakan bahawa "**raja itu tidak bemegeeri**"; tetapi dalam kes Raja Asil, Tampin telah diserahkan sebagai 'pegangan'. Berikutan dengan ini, harus diperhatikan juga, penciptaan jawatan Yang Dipertuan Muda dan penentuan Tampin sebagai pegangan Raja Asil tidak dilakukan sewenang-wenangnya tetapi terdapat percubaan untuk mematuhi prinsip Adat Perpatih kerana ibu Raja Asil berasal dari Tampin (Khoo Kay Kim, 1990:12).

Kedudukan Raja Sabun di Jelebu agak berbeza sedikit dengan yang di Rembau. Setakat yang diketahui, Yang Dipertuan Muda Jelebu tidak pernah diberi 'negeri' untuk pegangannya. Dengan demikian, kekuasaan Yang Dipertuan Jelebu tidak melebihi kekuasaan Penghulunya. Berikutan dengan itu, Yang Dipertuan Jelebu tidak banyak kerenah seperti Yang Dipertuan Muda di Rembau.

### 3.2 Kedatangan Raja Hitam

Pada zaman Raja Asil menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau, kerajaan Rembau tidak aktif dalam arena politik Selat Melaka, namun arena politik dalaman agak berbeza. Pembesar-pembesar Negeri Sembilan agak kurang senang dan selesa dengan kehadiran kedua-dua keluarga diraja di kalangan mereka - satu di Rembau dan satu di Jelebu. Antara tahun 1740-an dan tahun 1770-an Rembau dan Negeri Sembilan kekosongan putera raja daripada Minangkabau. Raja yang ada adalah keturunan Bugis. Dalam masa tersebut putera Bugis telah berjaya mendirikan dua buah keluarga diraja di Negeri Sembilan.

Antara sebab 'ketegangan', 'tidak senang' dan 'kurang selesa' pembesar-pembesar Negeri Sembilan terhadap keluarga diraja Bugis adalah sistem budaya dan nilai yang diamalkan oleh kedua-dua suku kaum Melayu itu berbeza. Keturunan Minangkabau, golongan yang ramai, mempraktikkan sistem nasab ibu; sedangkan keturunan Bugis, walaupun kecil tetapi menjadi 'pemerintah', mengamalkan sistem dwisisi dengan memberatkan sistem nasab bapa, di samping kewujudan kebudayaan *siri*<sup>(15)</sup> dalam diri mereka. Dari segi lain, pada teorinya keluarga diraja di Rembau dan juga di Jelebu boleh dilihat sebagai **orang adat** kerana ibu atau nenek mereka adalah orang adat - orang suku Tiga Batu (Tampin dan Jelebu). Adat perpatih, walaupun menjuraikan keturunan daripada nasab ibu, dalam hal keluarga dan kekeluargaan serta rumah tangga masih dalam tangan suami: "**bendul yang empat, orang semenda yang punya**"; dan dalam kes keluarga diraja di Rembau dan Jelebu ini, suami itu adalah keturunan Bugis. Mungkin, dengan mengambil segala pilihan di atas serta perkara-perkara lain dalam perkiraan mereka, pembesar-pembesar Negeri Sembilan menjadi kurang senang dengan keluarga diraja tersebut.

Pilihan yang logik untuk mengimbangkan kehadiran dan kekuasaan keluarga diraja, terutama yang di Rembau, dan mahukan ‘orang awak’ juga menjadi pemimpin dan keadilan, walaupun setakat simbol, Penghulu Rembau dan Penghulu rantau Minangkabau yang lain telah mengutuskan sekali lagi ke Pagaruyung memohon seorang putera untuk diadakalakan. Permohonan mereka telah dipersetujui oleh **Raja Nan Tiga Sela**. Raja Hitam telah dikirimkan ke Rembau dan telah ditabalkan di Penajis, Rembau. Setelah ditabalkan, beliau telah dipindahkan ke Seri Menanti. Oleh sebab Rembau, Sungai Ujung, Johoi dan Jelebu serta wilayah lain seperti Jempul, Ulu Muar, Gunung Posir, Terachi dan Inas telah berpenghulu yakni berpemerintah, Raja Hitam telah dijadikan pemerintah di lembah Seri Menanti dengan gelaran Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

Persoalan yang harus dicari jawapan melalui penyelidikan selanjutnya ialah bilakah Raja Hitam itu ditabalkan? Berkaitan dengan ini, kita mungkin dapat menerima andaian Khoo Kay Kim (1990:9):

..... yang mangkat pada tahun 1795 atau 1796 memang bukan Raja Adil tetapi mungkin Raja Asil. Kerana keadaan politik pada penghujung abad ke 18 sudah banyak berubah, boleh jadi, pada masa itulah dihidupkan kembali jawatan Yang Dipertuan Besar dan gelaran itu diserahkan kepada Raja Hitam, ipar Raja Asil.

Keluarga diraja Rembau, terutama sekali Raja Asil tentu tidak puas hati dan berasa cemburu dengan kedatangan dan perlantikan Raja Hitam, seorang putera Minangkabau, sebagai Yang Dipertuan Besar. Raja Asil sebagai seorang keturunan diraja setempat tentu berasa lebih berhak untuk menjawat jawatan tersebut (Wilkinson, 1911:23) daripada ‘orang luar’. Namun, beliau tidak dapat melakukan sebarang tindakan kerana kedatangan dan perlantikan Raja Hitam itu atas kehendak penghulu-penghulu keturunan Minangkabau termasuk Penghulu Rembau sendiri, iaitu penghulu yang ‘mendirikan’ keluarganya. Dalam keadaan begini, menentang bermakna menghancurkan kedudukan dan keistimewaan yang dinikmati oleh keluarganya.

Penghulu-penghulu tersebut memahami perasaan dan keinginan Raja Asil dan keluarganya. Untuk mengendurkan ketegangan dan menghindarkan konflik, Raja Hitam telah dikahwin dengan Raja Sulung, adik perempuan Raja Asil. Selain Raja Sulung, Raja Hitam juga berkahwin dengan Tunku Aishah, keturunan Raja Melewar atas motif yang mungkin sama. Samad Idris menyatakan bahawa Tunku Aishah itu adalah puteri Raja Melewar. Daripada kenyataan di atas, ini tidak mungkin berlaku kerana perbezaan masa antara kedua orang raja ini adalah lebih kurang 40 tahun; melainkan Raja Hitam sanggup mengahwini isteri yang jauh lebih tua daripadanya.

### 3.3 Kehilangan Keluarga Diraja Raja Asil

Pada sekitar akhir tahun 1795 suatu pemberontakan telah berlaku di Rembau menentang Raja Asil. Akibatnya Raja Asil terpaksa menyerahkan kedudukannya kepada Raja Ali. Penyerahan kuasa ini tidak dilakukan secara licin dan aman tetapi mempunyai unsur paksaan dan penipuan.

'Pemberontakan' ini berpunca daripada perbuatan Raja Haji, salah seorang daripada anak-anak Raja Asil. Raja Haji telah jatuh cinta dengan anak perempuan seorang haji terkenal di Rembau. Haji itu, ahli suku Biduanda Jakun dari kampung Chengkau enggan menyerahkan anak perempuannya itu. Keengganan keluarga waris mengahwini ahlinya dengan ahli keluarga diraja telah bermula semenjak seabad yang lalu; dan akibatnya waris Jakun telah dihukum dengan dilarang menjawat pusaka Penghulu Rembau, mulai tahun 1660. Penolakan peminangannya itu telah membuatkan Raja Haji menjadi nekad dan melarikan gadis tersebut ke istana ayahnya, Raja Asil, di Badar. Perbuatan ini telah melanggar adat kebiasaan<sup>(16)</sup> pemilihan jodoh di Rembau. Ayah gadis itu telah mengadukan perbuatan adat sesalahuan ini kepada Datuk Kosil (1795-1812), Penghulu Rembau. Datuk Kosil telah meminta penyelesaian (**adat merumah dan melarikan**) daripada Raja Asil. Raja Asil, mungkin kerana kedudukannya sebagai Yang Dipertuan Muda telah enggan menyelesaikannya. Keangkuhan keluarga diraja ini telah menimbulkan kemarahan Datuk Kosil. Akibatnya meletus suatu konflik antara Penghulu dan waris Biduanda dengan keluarga diraja Rembau (Begbie, 1834:1139). Hampir kesemua lembaga di Rembau telah menyebelahi Datuk Kosil (Khoo Kay Kim, 1984:46).

Datuk Kosil telah menghantar suatu perwakilan mengundang Raja Ali yang ketika itu berada di Sungai Nipah untuk dijadikan ketua menentang Raja Asil. Tujuan perlantikan Raja Ali sebagai ketua itu adalah berdasarkan falsafah Melayu: untuk menjatuhkan atau menentang ketua dianggap tidak baik melainkan diketuai oleh seorang pemimpin yang sedarjat. Pemilihan Raja Ali ini adalah direncanakan kerana sebelum itu Raja Ali felahpun membuat salu *coup d'état* terhadap Raja Asil tetapi tidak berjaya. (Newbold, 1834:257; Khoo Kay Kim, 1984:46). Raja Asil telah berjaya dipengaruhi oleh Raja Ali. Raja Ali menyatakan bahawa jalan yang paling selamat adalah berpindah meninggalkan Rembau sebelum keadaan menjadi lebih genting. Adalah dipercayai Raja Ali telah berjanji akan menjemput semula Raja Asil balik ke Rembau apabila keadaan kembali pulih dan tenang. Nasihat Raja Ali telah dituruti dan Raja Asil berserta dengan ahli keluarganya telah berpindah dan mencari perlindungan di Naning. Dengan itu 'hilanglah' keluarga diraja Raja Asil dari Rembau.

### 3.4 Raja Ali

Raja Ali ialah anak Raja Aman atau dikendali juga sebagai Daeng Alampaki, seorang putera Bugis dan saudara kepada Raja Selangor (Wilkinson, 1911:23). Ibunya

ialah Tunku Putih atau dikenali juga sebagai Tunku Puteri; wanita yang mengagumkan (Gullick, 1967:25). Tunku Putih ini telah dirujuk sebagai adik kepada Raja Asil (Wilkinson, 1911; Winstedt, 1934) dan sebagai anak buah Raja Asil (Begbie, 1834; Newbold, 1834; Khoo Kay Kim, 1984). Antara dua pendapat ini, besar kemungkinan pendapat Begbie dan Newbold yang hidup sezaman dengannya, malahan Newbold pernah bertemu dengannya di istana Raja Ali di Bandar dalam tahun 1832 adalah yang paling tepat . (**LIHAT RAJAH I**).

Raja Ali, sesuai dengan tradisi Bugis yang diwarisinya melalui darah ayahnya telah mendapat penghormatan sebagai "seorang ketua lalu yang agak terkenal" (Begbie, 1834:138) dan seorang *freelance* yang terkenal (Parr dan Mackray, 1910:19). Perlantikan Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau yang disokong oleh Raja Hitam, datuknya merupakan titik tolak kepada berlakunya kekacauan yang berpanjangan dan hampir memusnahkan kebebasan Negeri Sembilan.

### 3.5 Raja Lenggang Laut

Dalam tahun 1808, Yang Dipertuan Seri Menanti, Raja Hitam telah meninggal dunia. Datuk Kosil (Penghulu Rembau) Datuk Bahi (Datuk Kelana Sungai Ujung), Datuk Rambutan Jantan (Penghulu Johol) dan Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman Penghulu Jelebu telah menghantar utusan ke Pagaruyung<sup>[17]</sup>; memohon seorang putera untuk ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar Seri Menanti menggantikan Raja Hitam. Utusan tersebut telah membawa balik seorang putera bernama Raja Lenggang Laut. Beliau telah ditabalkan di Penajis, Rembau, dan kemudian berpindah ke Seri Menanti dan bersemayam di sana.

Suatu perkara yang menarik perhatian berkaitan dengan kehadiran Raja Lenggang Laut ini ialah sikap keluarga di raja di Rembau amnya dan Raja Ali khususnya. Di zaman Raja Asil, untuk mengelakkan konflik putera yang dijemput (Raja Hitam) telah dikahwinkan dengan anggota perempuan (Raja Sulung) keluarga diraja Rembau; tetapi tidak pada zaman Raja Ali. Raja Lenggang Laut sebaliknya telah dikahwinkan dengan Tenku Ngah, puteri Raja Hitam dengan Cik Jingka (**LIHAT RAJAH II**), mungkin atas tujuan yang sama seperti perkahwinan Raja Hitam dengan Raja Sulung dahulu. Konflik yang hendak dihindarkan pada sekitar tahun 1808 ini adalah kemungkinan besar Tengku Alang Husin, putera sulung Raja Hitam ingin menaiki takhta di Seri Menanti menggantikan ayahnya. Raja Ali telah menerima dengan tenang akan kedatangan dan penyalinan Raja Lenggang Laut sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

Persoalan mengapa Raja Ali tidak bertindak kontra kepada perlantikan Raja Lenggang Laut itu adalah suatu yang sukar dicari jawapan namun, dalam penulisan

saya yang lain, **Matinya Sebuah Tamadun**, berdasarkan fakta daripada dokumen sejarah serta cerita lisan tempatan telah mengemukakan beberapa sebab). Raja Ali sebaliknya telah bersekutu dengan Raja Lenggang Laut dan mencampuri hal kerajaan Rembau pertamanya mengubah suai kedudukan Lembaga Tiang Balai di Baroh dan di Darat, dan keduanya mencampuri perlantikan Penghulu Rembau yang baru dalam tahun 1819. Atas perbuatan mereka itu, untuk beberapa tahun kerajaan Rembau mempunyai dua orang penghulu: Datuk Ngonit buatan Lembaga Tiang Balai, dan Pakat buatan Raja Ali dan Raja Lenggang Laut.

### 3.6 Kematian Raja Lenggang Laut

Raja Lenggang Laut telah meninggal dunia dalam tahun 1824 (Khoo Kay Kim, 1986:8). Untuk lebih kurang dua tahun Seri Menanti tidak ber-Yang Dipertuan Besar. Apabila Raja Lenggang Laut mati Datuk Bongkok Abdul Malik, Penghulu Ulu Muar sebagai kustodian atau penjaga lembah Seri Menanti telah memaklumkan kepada Penghulu Yang Empal dan memohon supaya Raja Radin, putera Raja Lenggang Laut ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti yang baru (Wilkinson, 1911:24). Ketika itu Raja Radin masih muda, baru berumur lebih kurang tiga belas tahun (Buyung Adil, 1981:50). Datuk Kelana Leha, Penghulu Sungai Ujung telah menolak cadangan itu. Beliau tetap mendesak bahawa pengganti Raja Lenggang Laut harus datang dari Sumatera. Beliau dengan suatu pasukan perang telah melanggar Seri Menanti, dan Datuk Bongkok Abdul Malik bersama Raja Radin telah berjaya melarikan diri dan mendapat perlindungan daripada Datuk Abu Bakar Gubah atau Datuk Buncit (1820-1840) Penghulu Johol. Sebagai ganti, Datuk Kelana telah melantik seorang askar upahan dari Sumatera, Raja Kerjan menjakawasan diraja itu sehingga Sultan Alam Bagagar Syah, Raja Minangkabau<sup>(18)</sup> dapat memilih dan menghantar seroang putera sebagai pengganti.

Kemangkatan Raja Lenggang Laut ini telah mengaitkan Raja Ali Yang Dipertuan Muda Rembau. Perfamanya, sebagai Yang Dipertuan Muda dia boleh menjadi calon untuk mengisi jawatan kosong itu. Keduanya, Raja Ali, jika berjaya akan menghalang serta menggagalkan pelanding lain (Gullick, 1976:27). Walau bagaimanapun pengaruh Raja Ali tidak dapat menahan kedatongan seorang putera dari Minangkabau. Dalam tahun 1826, Raja Minangkabau telah menghantar Raja Labu atau dikenali juga sebagai Yang Dipertuan Sati untuk ditabalkan di Penajis Rembau sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

Apa yang penting dengan peristiwa kematian Raja Lenggang Laut ini adalah mulai dari tahun 1824 telah berlaku percubaan untuk mengubah tradisi menjemput **keadilan** atau raja dari Minangkabau. Perubahan itu telah diinisiatifkan oleh anak-anak raja hasil perkahwinan putera raja yang didatangkan dari Minangkabau

sebelum itu; dan disertai pula oleh keluarga diraja Rembau yang telah establish walaupun tidak berdasarkan garis keturunan yang licin. Peristiwa ini adalah titik berdarah bagi kerajaan Negeri Sembilan kerana ini akan diikuti dengan perperangan dan keadaan anarki yang tidak membezakannya lagi dengan keadaan keluarga diraja di negeri-negeri Melayu lain. Dengan wujudnya huru-hara ini membolehkan dan menguatkan justifikasi kerajaan British di Negeri-Negeri Selat untuk mencampuri hal ehwal Negeri Sembilan dan akhirnya ‘menaungi’nya serta menjajahnya.

### 3.7 Raja Labu

Raja Labu datang membawa bersamanya surat watikah yang dikenali juga sebagai **Terombo Minangkabau**. Surat watikah yang dibawa oleh Raja Labu itu adalah asli dan sah (Newbold, II, 1839:81) kerana ia mempunyai banyak persamaan dengan dokumen-dokumen Minangkabau yang dicetak oleh Marsden (1811). Surat watikah ini telah dimulai dengan cap mohor raja-raja rantau takluk Minangkabau. Cap mohor itu telah disusun dari kiri ke kanan (mengikut aturan tulisan Jawi) mengikut aturan keutamaan. Raja-raja yang telah menurunkan cap mohor adalah terdiri daripada Sultan Maharaja Diraja putera almarhum Sultan Abdul Jalil Muazam, Sultan Palembang putera Sultan Indra Rahim, Sultan Jami bergelar Baginda Tuan, Sultan Indragiri Sultan Seri Kahil, Sultan Berkumbah Puteh daripada Sungai Paku, Sultan Raja Megat daripada Ragum putera Yang Dipertuan Pagarruyung, Sultan Indrapura bergelar Sultan Muhamad Syah, Sultan Pariaman bergelar Maharaja, Sultan Achin bergelar Seri Paduka Berpaka Rahim, Sultan Bintan bergelar Sultan Mohikat, dan Sultan Tuanku Siak (Newbold, II 1839:82). Surat watikah inilah yang dibawa ke Rembau dan diserahkan kepada Penghulu Yang Empat sebagai bukti daripada raja Minangkabau.

Raja Labu, setelah sampai di Rembau telah dibawa oleh Datuk Ngonit ke Naning (Begbie, 1934:141) beliau, seperti dilakukan oleh putera-putera Minangkabau sebelumnya, telah dikahwin dengan Tunku Hitam, puteri kesayangan Raja Asil (Khoo Kay Kim, 1984:47). Besar kemungkinan perkahwinan antara Raja Labu dengan Tunku Hitam ini sengaja dirancangkan oleh Datuk Ngonit dan Datuk Kelana. Ianya adalah satu usaha untuk mengurangkan dan membatasi keangkuhan dan kekuasaan, di samping mengelakkan Raja Ali daripada mempengaruhi dan bergabung dengan Raja Labu untuk memperkuuh kedudukannya seperti yang dilakukannya semasa kedatangan Raja Lenggang Laut dahulu.

Setelah berkahwin, Raja Labu telah dibawa oleh Datuk Ngonit ke Sungai Ujung mendapatkan Datuk Kelana. Dengan diiringi bersama oleh Datuk Kelana, Raja Labu telah balik ke Rembau dan ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar di Penajis (Gullick, 1976:27) dan besar kemungkinan diberi gelaran Yang Dipertuan Sati.

Pada peringkat ini, keadaan menjadi bertambah rumit apabila Raja Radin berjaya memujuk Penghulu Seri Menanti untuk mengistiharkannya sebagai Yang Dipertuan Besar tanpa memberi labu Penghulu Yang Empat. Bagaimanapun Datuk Kelana yang mengetahui rancangan itu telah mengancam Penghulu Seri Menanti yang terpaksa menarik balik sokongannya terhadap Raja Radin. Raja Labu telah menggunakan peluang ini untuk merampas dua pucuk lela dan brang-barang lain bernilai lebih kurang 200 ringgit Sepanyol dari tempat kediaman Raja Radin. Alasan ialah barang-barang itu merupakan alat kebesaran diraja (Begbie, 1834:141; Khoo Kay Kim, 1984:47).

Dalam tahun 1830 Datuk Kelana Kawal telah pergi ke Seri Menanti menghadiri suatu temasya sabung ayam. Dalam persabungan itu Datuk Kelang telah menang dan mendapat beberapa karung duit tembaga. Tengah beliau bergembira atas kemenangannya itu, beliau telah ditegur oleh Tunku Kecil Muda Raja Laut seorang putera dari Sumatera, pengikut Raja Labu, meminta Datuk Kelana membayar dalal atau komisyen kepada Yang Dipertuan Besar sebanyak dua selengah peratus dari pada hasil kemenangannya. Datuk Kelana telah menganggap perbuatan itu adalah melampaui batas kerana selain tidak mengenang budi terhadap orang yang memberikan segala-galanya, tuntutan itu adalah perbuatan yang tidak tahu adat dan mencabul haknya sebagai waris dalam negeri. Dengan marah Datuk Kelana telah merungut bahawa komisyen dan peratus itu adalah hak waris dan selebihnya hak Yang Dipertuan. Beliau telah mengeluarkan wang komisyen dan selebihnya diserahkan kepada Raja Laut yang menerima wang sejumlah 97 1/2 % kemenangan Datuk Kelana dengan senang hati. Datuk Kelana yang menyedari kesilapan katanya dan kehilangan wang sebegini banyak telah bertambah marah.

Beliau telah meninggalkan istana. Semasa turun tangga beliau telah melafazkan beberapa unlai perbilangan. Wang komisyen yang ada padanya itu telah diletakkan pada perdu sebatang pokok di halaman istana sambil berkata bahawa mulai dari saat itu putuslah hubungan dan kaitannya dengan Siak dan Minangkabau; dan perbilangan: **Bertali ke Siak, Bertuan ke Minangkabau** itu tidak boleh dipakai lagi. Akhir sekali sebelum ia melangkah meninggalkan perkaraangan istana beliau telah berikrar:

Biar saya minum air di hulu sungai,  
memakan taruk kayu di hutan, dan  
berbantalkan banir kayu,  
saya tidak ada hubungan dan  
kaitan lagi dengan Siak, dan  
anak-anak raja dari Minangkabau

(Wilkinson, 1911:24-25)

Dalam perjalann bilik ke Sungai Ujung, Datuk Kelana Kawal telah singgah di perjalanan balik Terachi dan memberitahu Datuk Bongkok Abdul Majid musuh lamanya, bahawa Datuk itu bolehlah melanggar istana dan beliau (Datuk Kelana) tidak akan campur tangan. Datuk Bongkok tanpa berlengah lagi telah menyerang dan mengalahkan Raja Labu. Raja Labu telah dihalau keluar dan Raja Radin telah ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti. Raja Labu telah mendapat perlindungan Inggeris di Melaka<sup>(19)</sup>. Raja Labu telah tinggal dengan keluarganya di Melaka sehingga tahun 1831. Menjelang tahun 1832 beliau telah cuba mendapatkan semua statusnya di Negeri Sembilan, tetapi telah diserang balas oleh Raja Ali, Syed Syaaban dan Raja Radin. Pergaduhan itu berkahir dengan Raja Labu terpaksa pulang ke Sumatera. Dengan demikian berakhirlah rejim Pagarryung di Negeri Sembilan (Khoo Kay Kim, 1984:47). Raja Labu balik dengan membawa keluarganya sekali. Dengan itu, beliau tidak mewujudkan keluarga sendiri ataupun menyambung keluarga ayah merluanya, Raja Asil di Negeri Sembilan.

#### 4. KELUARGA DIRAJA SERI MENANTI

##### 4.1 Keturunan Raja Melewar

Sebagai dinyatakan di atas tadi, putera-putera Minangkabau yang dibawa ke Negeri Sembilan hasil daripada perkahwinan mereka dengan gadis tempatan telah meninggalkan zuriat dan keluarga. Antara mereka itu keturunan Raja Melewar tidak dapat dipastikan dengan jelas. Ini mungkin kerana perbezaan antara masa kemaliannya (1740-an) dengan ketibaan putera yang kemudian (1770-an atau 1780-an) agak lama. Justeru itu kehadiran mereka di Seri Menanti tidak diperendahkan sangat. Samad Idris menyatakan bahawa Tunku Aishah yang dikahwinikan dengan Raja Hitam pada sekitar tahun 1770-an akhir atau awal 1780-an itu sebagai **puteri** Raja Melewar. Besar kemungkinan Tunku Aishah itu bukannya anak tetapi adalah **cucu** Raja Melewar, kerana jika dia anak maka bermakna Raja Hitam berkahwin dengan seorang perempuan yang berumur tidak kurang daripada 40 tahun.

Kemungkinan Tunku Aishah itu keturunan Raja Melewar sememang ada kerana sebelum kedatangan Raja Hitam hanya dua orang sahaja raja yang pernah diam di sekitar Seri Menanti iaitu Raja Melewar dan Raja Khalib. Raja Khalib, yang juga ipar kepada Raja Melewar sebagai dinyatakan di atas setelah, dengan keluarganya dihantar balik ke Siak. Dengan itu tinggal Raja Melewar dan keluarganya sahaja di Seri Menanti. Setakat ini, tidak lagi diketahui berapa orangkah anak Raja Melewar dan siapakah dia?

Perkahwinan Raja Hitam dengan Tunku Aishah tidak menghasilkan anak (Samad Idris, t.t.:70). Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa keturunan Raja Melewar walaupun mengikut garis perempuan telah lopus.

#### 4.2 Keturunan Raja Hitam

Isteri pertama Raja Hitam ialah Raja Sulung, anak Raja Ali Yang Dipertuan Muda Rembau. Dengan Raja Sulung beliau telah mendapat, setakat yang direkodkan oleh Belanda seorang sahaja iaitu Tunku Putih. Perkahwinan mereka telah memperkuuh bentukan keluarga diraja Rembau kerana dengan pengaruhnya, Raja Ali telah berjaya menjadi Yang Dipertuan Muda dengan merampasnya daripada Raja Asil; tetapi 'membunuh' keturunan Raja Asil, setidak-lidaknya dari garisan anak lelaki.

Waktu di Seri Menanti, selain mengahwini Tunku Aishah, Raja Hitam telah juga berkahwin dengan seorang wanita biasa, Jingka yang kemudian diberi gelaran Encik Puan Besar. Hasil daripada perkahwinan ini telah lahir Tunku Alang Husin, Tunku Ibrahim, Tunku Alwi dan seorang anak perempuan, Tunku Ngah (**Lihat RAJAH II**).

#### 4.3 Keturunan Raja Lenggang Laut

Apabila Raja Lenggang Laut menaiki takhta, beliau telah dikahwinkan dengan Tunku Ngah binti Raja Hitam. Hasil daripada perkahwinan ini lahir Raja Radin dan Raja Ujong atau Raja Imam. Keturunan Raja Lenggang Laut inilah yang menjadi pengasas kepada perubahan sistem perlantikan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, walaupun untuk berlaku pertukaran cara itu Negeri Sembilan, khususnya Rembau, Sungai Ujong dan Seri Menanti telah terlibat secara langsung, berada dalam suasana yang mencemaskan.

#### 4.4 Raja Radin dan Keluarga Diraja Seri Menanti

Raja Radin apabila dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar Seri Menanti secara tidak langsung telah mengubah sistem perlantikan **keadilan** di Negeri Sembilan. Buat kali pertama, Yang Dipertuan Besar dilantik mengikut cara nasab bapa iaitu daripada ayah ke anak. Sebelum itu, semua Yang Dipertuan Besar adalah didatangkan dari Minangkabau. Untuk menjadikan mereka 'orang Negeri Sembilan', di samping sebab-sebab lain, putera-putera Minangkabau itu telah dikahwinkan dengan anak-anak gadis tempatan yang pada dasarnya anggota daripada salah satu suku setempat. Contohnya, isteri Raja Adil Raja Rembau II, adalah keturunan suku Tiga Batu. Anaknya yang di Rembau, Raja Asil, Yang Dipertuan Muda Rembau adalah juga anggota suku Tiga Batu. Oleh sebab Raja Sulung itu adik beradik dengan Raja Asil maka beliau juga adalah anggota suku Tiga Batu. Raja Sulung telah berkahwin dengan Raja Hitam, maka anak mereka Tunku Putih juga adalah orang suku Tiga Batu. Apabila Tunku Putih berkahwin dengan Raja Aman, orang Bugis, maka Raja Ali, Yang Dipertuan Muda Rembau II adalah juga anggota suku Tiga Batu.

Perkahwinan keluarga diraja Seri Menanti pun mengikut pola yang lebih

kurang sama. Misalnya Raja Hitam telah berkahwin dengan Jingka, seorang wanita biasa. Ini bermakna Jingka juga mempunyai suku tertentu, misalnya dikatakan daripada suku Tanah Datar. Dengan demikian anak hasil perkahwinan mereka, Tunku Alang Husin, Tunku Ngah, Tunku Ibrahim dan Tunku Alwi adalah juga anggota suku ibunya ('suku Tanah Datar'). Kemudian, apabila Raja Lenggang Laut mengahwini Tunku Ngah maka anak-anak mereka, Raja Radin dan Raja Ujong (Raja Imam) juga anggota Suku 'Tanah Datar' iaitu suku emaknya.

Daripada pemerihalan di atas nyata bahawa perlantikan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti adalah terdiri daripada **orang semenda** sesuatu suku tertentu, bergantung kepada suku gadis yang dikahwininya. Dengan terlantiknya Raja Radin, Yang Dipertuan Seri Menanti adalah dilantik daripada **orang tempat semenda**.

Raja Radin, oleh sebab mempunyai isteri yang ramai telah memperkembangkan bilangan ahli keluarga diraja. Dengan itu timbul berbagai-bagai masalah perlantikan dalam mencari pengganti apabila seseorang Yang Dipertuan Besar meninggal dunia, terutama sekali dibahagian kedua abad ke-19. Akibat daripada percaduhan dan perubatan itu, salah seorang daripada keturunan Raja Radin telah tercampak ke kampung Lukut, Kota Tinggi, Johor (satu kajian terperinci mengenai keluarga diraja di Lukut ini sedang dijalankan).

#### 4.5 Keturunan Keluarga Diraja Rembau

Kesudahan keluarga diraja Rembau agak berbeza sedikit dengan yang di Seri Menanti. Apabila Raja Ali mengisyiharkan dirinya sebagai Yang Dipertuan Besar, menantu Syed Syaabon, seorang orang asing kerana ayahnya Syed Ibrahim keturunan Arab dari Aceh (?) dan ibunya seorang bekas hamba dan **khanazada** Zainuddin bekas kapitan Melayu Melaka bukan orang Rembau, telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau III. Walaupun Syed Syaabon berkahwin **ganti tikar** dengan anak-anak Raja Ali, ia masih dianggap sebagai orang luar.

Isteri-isteri Syed Syaabon adalah anak kepada isteri Raja Ali yang bernama Nifah. Nifah ialah seorang gadis keturunan Bugis dari Sungai Baru. Justeru itu, Nifah dan anak-anaknya, termasuk isteri-isteri Syed Syaabon bukan orang bersuku, tegasnya bukan orang Rembau. Raja Ali mempunyai isteri orang Rembau, orang bersuku bernama Tipah, tetapi perkahwinan mereka tidak mempunyai anak.

Jikalau mengikut aturan keturunan nosab bapa, keturunan Raja Ali adalah disambung oleh garisan anak lelakinya, Raja Ujang. Namun Raja Ujang yang bergelar Panglima Besar Ujang atau yang bergelar Panglima Besar Rembau telah berhijrah ke Siak. Pada masa melantik Tunku Besar Tampin, setelah Raja Ali dan Syed Syaabon dihalau keluar dari Rembau oleh Penghulu Rembau, Datuk Kelana, Datuk Muda Linggi dan Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, dalam tahun 1836

keturunan Raja Ali telah diketepikan. Mereka ‘diketepikan’ kerana tiada siapa yang menuntut hak pada ketika itu. Raja Ali sedang uzur sebab penyakit tua. Cucunya, Raja Sulung, anak Raja Ujang masih terlalu muda untuk memahami politik negeri. Jikalau pun Raja Sulung menuntut hak datuknya, tidak mungkin beliau sanggup berhadapan dengan kelicikan Syed Syaaban yang mendapat sokongan kuat daripada British. Dengan itu, keluarga diraja Rembau juga turut hilang dan yang wujud sebagai ganti adalah dinasti Syed Syaaban yang menjadi pemerintah di Tampin.

Keturunan Raja Sulung bin Raja Ujang bin Raja Ali pada masa ini (1995) masih ramai dan kebanyakannya daripada mereka tinggal di Semenyih, Selangor (**UHAT RAJAH IV**).

#### 4.6 Yang Dipertuan Jelebu

Seperti juga di Rembau, Yang Dipertuan Jelebu juga berpunca daripada Raja Adil (**UHAT RAJAH III**). Perkahwinan Raja Adil dengan anak gadis Penghulu Jelebu telah melahirkan Raja Sabun dan Raja Singkul. Apabila Raja Adil meninggal dunia, Raja Sabun telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Jelebu I pada sekitar tahun 1820.

Raja Sabun telah berkahwin dengan Melang yang menghasilkan Raja Jaya yang kemudian menggantikan ayahnya sebagai yang Dipertuan Jelebu II. Beliau telah berkahwin dengan Hitam dan mendapat tiga orang anak, dua lelaki iaitu Raja Etet yang menjadi Yang Dipertuan Muda Jelebu III, dan Raja Mat Arif - serta seorang anak perempuan Raja Tenuh (Samad Idris menyebut namanya sebagai Tunku Tenuh). Raja Tenuh telah berkahwin dengan Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti. Hasil daripada perkahwinan ini mereka telah mendapat empat orang anak iaitu Raja Abdullah, Raja Muda Cik, Raja Puteri Meriam dan Raja Maimunah. Raja Abdullah telah menggantikan bapa saudaranya sebagai yang Dipertuan Muda Jelebu IV dan terakhir. Beliau telah meninggal dunia pada 13 Disember 1884.

### 5. PENUTUP

Daripadauraian ringkas di atas nyataialah bahawa institusi raja (keadilan) di Negeri mengikut kronologi masalah adalah seperti berikut:

- a) Peringkat kedatangan putera Minangkabau awal 1720-an - 1740-an.
- b) Peringkat keturunan Bugis 1750-an - 1770-an.
- c) Peringkat putera Minangkabau akhir 1780-an - 1830.
- d) Peringkat putera tempatan 1830 sehingga sekarang

Jikalau berdasarkan pengisian institusi ini ia dapat dibahagikan kepada tiga jenis keturunan:

- a) Keturunan Minangkabau
- b) Keturunan Bugis
- c) Keturunan Tempatan

Putera keturunan Minangkabau adalah terdiri daripada Raja Melewar, Raja Hitam, Raja Lenggang Laut dan Raja Labu. Keturunan Bugis adalah Raja Adil, Raja Asil, Raja Ali (keluarga diraja Rembau), Raja Sabun, Raja Jaya dan Raja Etef (Yang Dipertuan Muda Jelebu). Putera tempatan pula adalah Raja Radin, Raja Imam, Raja Antah, Raja Muhammad dan seterusnya sehingga Tuanku Jaafar sekarang, serta juga Raja Abdullah Yang Dipertuan Jelebu terakhir kerana beliau adalah anak kepada Raja Radin.

Mengikut gelaran pula, institusi raja ini dapat dipecahkan kepada lima jenis:

- a) Raja Rembau Mulai 1720-an hingga 1770-an
- b) Yang Dipertuan Muda Rembau 1780-an hingga 1836
- c) Yang Dipertuan Muda Jelebu 1790-an hingga 1884
- d) Yang Diperluan Besar Seri Menanti 1780-an hingga 1880-an
- e) Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan mulai 1880-an hingga sekarang.

Dengan demikian dalam sejarah institusi raja di Negeri Sembilan tiga buah keluarga diraja:


- a) keluarga diraja Rembau lupsus pada sekitar 1850-an.
- b) keluarga diraja Jelebu lupsus pada sekitar 1880-an.
- c) keluarga diraja Seri Menanti kekal dan berkembang sehingga sekarang ini

Dinasti Syed Syaaban di Tampin, berdasarkan huraian ringkas di atas (20) tidak dapat dianggap sebagai keluarga diraja kerana pada dasarnya Syed Syaaban bukannya seorang keturunan raja. Di samping itu berbeza dengan keturunan keluarga diraja yang lain, mereka tidak bersuku. Dengan itu mereka bukan 'orang awak', tetapi orang asing.

Dengan demikian, senarai **keadilan** (raja) di Negeri Sembilan adalah seperti dalam (RAJAH V). Pengakhir kata, penulisan ini bukanlah penulisan yang muktamad. Seperti yang dinyatakan dalam masa pemerintahan mengenai institusi raja keluarga diraja di Negeri Sembilan ini masih banyak lagi aspek yang memerlukan pengkajian, penyelidikan dan penelitian lanjut dan mendalam. Diharap pihak-pihak tertentu akan mengambil kelemahan penulisan ini sebagai satu cabaran untuk membuat penyelidikan dan pengkajian selanjutnya.

## RAJAH I


### SALASILAH YANG DIPERTUAN MUDA REMBAU




## LAGENDA

|  |                |        |   |                                   |
|--|----------------|--------|---|-----------------------------------|
|  | Kawwin         | YDM.R. | : | Yang Dipertuan Muda Rembau        |
|  | Keturunan/Anak | YDB.SM | : | Yang Dipertuan Besar Seri Menanti |
|  |                | YDB    | : | Yang Dipertuan Besar              |
|  |                | TBT    | : | Tunku Besar Tampin                |

**RAJAH II**  
**SALASILAH KELUARGA DIRAJA SERI MENANTI (PERMULAAN)**



Yang Dipertuan  
Muda Rembau  
(Lihat Rajah I,  
MS.49)




KELUARGA DIRAJA  
JELEBU

KELUARGA DIRAJA  
SERI MENANTI

KELUARGA DIRAJA  
REMBAU

RAJAH III: SALASILAH DIRAJA REMBAU, SERI MENANTI, JELEBU DAN KAITANNA

**RAJAH IV**  
**SALASILAH SEBAHAGIAN DARIPADA KETURUNAN RAJA ALI**



**RAJAH V**  
**SENARAI RAJA DI NEGERI SEMBILAN**

| <b>RAJA REMBAU</b>          |                                   |                                   |
|-----------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| <b>YANG DIPERTUAN BESAR</b> | <b>YANG DIPERTUAN MUDA REMBAU</b> | <b>YANG DIPERTUAN MUDA JELEBU</b> |
| 1. Raja Melewar             |                                   |                                   |
| 2. Raja Adil                |                                   |                                   |
| 1. Raja Hitam               | 1. Raja Asil                      | 1. Raja Sabun                     |
| 2. Raja Lenggang Laut       | 2. Raja Ali                       | 2. Raja Jaya                      |
| 3. Raja Labu                | 3. Syed Syaabani                  | 3. Raja Etet                      |
| 4. Raja Radin               |                                   | 4. Raja Abdullah                  |
| 5. Raja Iman                |                                   |                                   |
| 6. Raja Antah               |                                   |                                   |
| 7. Tuanku Mohamad           |                                   |                                   |
| 8. Tuanku Munawir           |                                   |                                   |
| 9. Tuanku Jaafar            |                                   |                                   |

**NOTA KAKI**

- (1) Bahagian ini adalah ringkasan daripada buku **Negeri Yang Sembilan**, Norhalim Hj. Ibrahim, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995 Bab 4.
- (2) Bahagian ini adalah ringkasan Bab 10, buku **Negeri Yang Sembilan**, Norhalim Hj. Ibrahim.
- (3) Ada sedikit percanggahan fakta mengenai jumlah pengiring Raja Ibrahim ini. Winstedt (1934:54) menyatakan jumlahnya adalah seramai 3,700 orang. Andaya (1987:146) pula memberikan angka 3,770 orang sebagai jumlah "pengiring dari Sumatera".
- (4) Mengikut laporan Gabenor Pits Melaka seperli yang dikutip oleh Andaya (1987:-152) beliau dibunuhi oleh orang Rembau yang enggan meneruskan perang menentang Belanda.
- (5) Rembau dan Negeri Sembilan tidak dapat lagi beraja ke Johor kerana kerajaan Johor telah dimusnahkan oleh Raja Kecil dan kemudian di'naungi' pula oleh Putera Bugis. Rembau dan Negeri Sembilan tidak lagi bertali ke Siak kerana Raja Kecil Raja Siak yang 'mengakui' dirinya sebagai 'orang Minangkabau' telah mengancam kedaulatan Rembau dan Negeri Sembilan Sebab-sebab ini telah diuraikan dalam Bab II, **Negeri Yang Sembilan**, Norhalim Hj. Ibrahim (1995.)
- (6) Perbincangan lanjut lihat Bab II, **Negeri Yang Sembilan**.
- (7) Besar kemungkinan berlaku kesilapan fakta di dalam cerita lisan yang dikutip oleh Wilkinson. Kesilapan ini timbul daripada penurunan cerita dari mulut ke mulut sehingga mencampur adukkan fakta. Raja Kasah mungkin kacukan daripada nama Raja Khatib, dan sebagainya.
- (8) Sumber daripada Wilkins tidak menyebutkan penghulu masa yang menyambut kedatangan Raja Kasah. Andaian yang boleh disarangkan ialah Penghulu Johol, Jelebu, Rembau dan Sungai Ujung. Ini hanya satu andaian. Ada kemungkinan yang 'penghulu yang empat' itu terdiri daripada salah seorang atau beberapa orang daripada Penghulu-Penghulu Ulu Muar, Jempol, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Gemencheh.
- (9) Penghulu Sungai Ujung yang terlibat ini mungkin Datuk Cantik atau Datuk Pandak. Gelaran Datuk Kelana hanya wujud semasa pemerintahan Datuk Cantik (Buyung Adil, 1952:148) atau Datuk Badur (Buyung Adil, 1987:6)

- (10) Jikaafau mengikut Buyung Adil (1981:35) pada tahun berkenaan ini (1721/22) Johol belum lagi mempunyai penghulu melainkan disebut "Datuk Johol" sahaja. Penghulu Johol yang pertama hanya dilantik pada sekitar tahun 1723 iaitu lebih kurang setahun selepas kedatangan Raja Kasah ke Rembau, dan ianya adalah seorang wanita - Datuk Puteri Siti Awan atau nama peribadinya, Puteri Kanun.
- (11) Penghulu Naning yang bersama dalam proses menjemput Raja Kasah ini mungkin Datuk Seri Raja Merah Juara Megat yang telah dianugerahkan cap mohor oleh Sultan Johor dalam tahun 1705 (Cave, 1989:56), atau penghulu selepasnya iaitu Datuk Kekak atau dikenali juga sebagai Zohri.
- (12) Jelebu semasa kedatangan Raja Kasah ini diperintah oleh sama ada penghulunya yang pertama Datuk Gombak atau penggantinya, Datuk Mentunggang. Datuk Gombak berasal dari Minangkabau (Caldecott, 1912:6) tetapi Buyung Adil (1952:161; 1981:15) lebih tegas menyatakan ia berasal dari Pagarruyung.
- (13) Mengikut cerita rakyat Negeri Sembilan, Raja Khatib telah berkahwin dengan Warna Emas, anak gadis Penghulu Naam (Abdul Rahman Hj. Mohammad, 1964:59-60; Buyung Adil, 1981:45)
- (14) Diringkaskan daripada Bab 12, **Negeri Yang Sembilan**, lihat juga, Norhalim Hj. Ibrahim, 1977/78:16-40.
- (15) Untuk kefahaman lanjut mengenai kebudayaan siri orang Bugis lihat Hamid Abdullah, 1984:11-15.
- (16) **Adat Kahwin Kebiasaan** adalah mengikut aturan adat istiadat iaitu harus melalui proses merisik, bertanya (menghantar cincin tanya), bertunang dan adat langsung.
- (17) Siapakah yang ditemui oleh ulusan ini agak sukar hendak dikenal pasti secara positif. Kerajaan Minangkabau pada ketika itu sedang menghadapi krisis antar adat dengan gerakan pembaharuan dan pemurnian ajaran Islam. Perlawanan hebat telah berlaku di Luhat Tanah Datar, iaitu pusat kekuasaan kerajaan Minangkabau/Pagarruyung pada ketika itu, 1808 (Mansoer, dll., 1970:123). Keluarga Diraja Minangkabau telah dibunuhi secara beramai-ramai di Kota Tengah dalam tahun 1809 (Mansoer, dll., 1970:154). Untuk keterangan lanjut mengenai gerakan pembaharuan ini atau dikenali juga sebagai Perang Paderi lihat Mansoer, dll. 1970:117-155, Rusli Amran, 1981:385-406.

- (18) Wilkinson (1911:24) menyatakan "..... sehingga Raja Siak dapat memilih dan menghantar seorang pengganti" (Penekanan adalah oleh penulis). Besar kemungkinan apa yang terjadi ialah pada masa kedatangan utusan Penghulu Yang Empat, Raja Pagarruyung Sutan Alam Bagagar Syah tinggal di Suroaso iaitu salah satu daripada empat ibu kota tua kerajaan Minangkabau. Beliau tinggal bersama dengan Tuan Gadis bekas isteri Tuanku Raja Muningsyah (Rusli Amran, 1981:428-429). Pada masa perperangan hebat di Luhak Tanah Datar antara yang pro dan anti-Paderi (1809) Yang Dipertuan Hitam Raja Alam (lebih terkenal dengan nama Sutan Alam Bagagarsyah) masih anak muda berumur belasan tahun. Semasa pembunuhan beramai-ramai ke atas keluarga diraja di Kota Tengah beliau telah berjaya melarikan diri ke Kota Padang. Kedudukan Sutan Alam Bagagarsyah pada masa utusan Negeri Sembilan itu datang, dari segi sistem pentadbiran Belanda dan rakyat Minangkabau hanya sebagai Regen Tanah Datar sahaja (Rusli Amran, 1981:581-592). Pada masa itu, Sutan Alam Bagagarsyah tidak lagi mempunyai pengikut maupun pengaruh (Rusli Amran, 1981:605).
- (19) Begbie (1834:142) memberikan sebab lain mengapa Raja Labu dihalau keluar. Menurutnya, semasa Raja Labu dan Datuk Kelana menyerang Raja Ali di Bandar, Rembau di antara pengikutnya, iaitu orang Rawa telah mendera dan menyeka seorang wanita Rembau sehingga mati. Perbuatan orang Rawa, pengikut Raja Labu ini telah menimbulkan kemarahan keseluruhan anggota pasukan bersekutu Raja Labu. Mereka telah meninggalkannya. Oleh sebab ia tiada pengikut dan penyokong Raja Labu telah berundur diri ke Melaka.
- (20) Untuk keterangan lanjut lihat Bab 14, **Negeri Yang Sembilan**.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Hj. Mohammad, 1964  
**Dongeng-dongeng Negeri Sembilan**, K. Lumpur: Oxford University Press
- Andaya, L.Y., 1987  
**Kerajaan Johor, 1641-1728**, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Begbie, P.J., 1834  
**The Malayan Peninsula**, cet. semula, K. Lumpur: Oxford University Press.
- Bort, B., 1678 (1927)  
'Report of Governor Balthasar Bort on Malaçca, 1678', terjm. M.J. Bremner, **Journal Of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)**, 5 (1): 1-232
- Buyung Adil, 1952  
**Sejarah Alam Melayu V**, K. Lumpur: Pejabat Karang Mengarang Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.
- ....., 1981  
**Sejarah Negeri Sembilan**, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cardon, Fa. R.M., 1948  
'Old Malacca Tranqueira dan Gajah Berang', **JMBRAS**, 21(1): 104-116
- Cave, J., 1989  
**Naning in Melaka**, K. Lumpur: Royal Asiatic Society Malaysian Branch Monograph 16.
- Favre, P.E.L., 1848  
'An Account of the Wil Tribes Inhabiting the Malayan Peninsula', **Journal of the Indian Archipelago and East Asia**, 2: 237-282.
- Gullick, J.M., 1976  
'The Tampin Succession', **JMBRAS**, 59(2):1-35
- Hamid Abdullah, 1984  
**Perubahan Sosial Di Kalangan Masyarakat Keturunan Bugis Di Linggi dan Kesannya Ke Atas Masalah Kepimpinan**, tesis Ph. D., (tidak diterbitkan), K. Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- 'Hikayat Negeri Johor', **JMBRAS**, 10(3)
- Khoo Kay Kim, 1977/78  
'Tanah Melayu Abad ke 18', **Jurnal Sejarah**, 15: 1-11

- ....., 1984  
**Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873**, P. Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- ....., 1986  
Introduction', dalam **The Making of Modern Negeri Sembilan**, Sherifa Khan, Seremban: Taman Seni Budaya Negeri Sembilan, 1-22.
- ....., 1990  
'Negeri Sembilan: Sejarah Awal dan Sistem Politiknya', dalam **Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang**, Norazil Selaf (ed.), K. Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia: 3-32.
- Mansoer, M.D., dll., 1970  
**Sedjarah Minangkabau**, Jakarta: Bharata
- Marsden, W., 1811  
**The History of Sumatra**, London: J.M. Greery, cet. semula, K. Lumpur: Oxford University Press
- Newbold, T.J., 1834  
'Sketch of the Four Menangcabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula', dalam **Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries**, Singapore, 1837:246-254.
- ....., 1839,  
**British Settlement in the Straits of Malacca**, Vol. II, London: John Murray, cet. semula, K. Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Norhalim Hj. Ibrahim, 1977/78  
'The Yang Dipertuan Besar of Negeri Sembilan and the Yang Dipertuan Muda of Rembau', **Warisan**, 4/5: 16-40.
- ....., 1991  
'Sejarah Awal Rembau: Suatu Penelitian Rengkas', **Budaya Negeri**, 1/91:9-14.
- ....., 1993 (a)  
'Adat Perpatih: Sejarah dan Sistem Sosial', **Budaya Negeri**, 11/12:11-22
- ....., 1993 (b)  
'Adat Negeri Sembilan Melalui Masa', **Warisan**, 17:7-51.
- ....., 1993 (c)  
'Raja Melewar: Suatu Cerita Lisan Dari Rembau', **Budaya Negeri**, 9/93:10-16

....., 1994

'Expedisi Raja Melewar II', **Budaya Negeri**, 14/94:11-18

....., 1995

**Negeri Yang Sembilan**, Shah Alam, Fajar Bakti.

Parr, C.W.C. an W.H. Mackray, 1910

'Rembau, One of the Nine States', **Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society**, 56:1-157.

Rusli Amran, 1981

**Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang**, Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.

Samad Idris, A., 1969

**Negeri Sembilan dan Sejarahnya**, K. Lumpur: Utusan Melayu Press.

....., t.t.

**Takhta Kerajaan Negeri Sembilan**, K. Lumpur: Utusan Principor Sdn. Bhd.

Sherifa Khan, 1986,

**The Making of Modern Negeri Sembilan, 1874-1898**, Seremban: Taman Seni Budaya.

Wilkinson, R.J., 1911

**Notes on Negeri Sembilan**, Papers on Malay Subject, K. Lumpur: Government Press.

Winstedt, R.O., 1934

'History of Negeri Sembilan', **JMBRAS**, 12(3): 41-114.

....., 1962

**A History of Malaya**, Singapore: Marican and Sons.

Wolter, W.O., 1970

**The Fall of Srivijaya in Malay History**, Ithaca: Cornell University Press